



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## GALAKAN MEMBAWA BEG KITAR SEMULA SEMASA MEMBELI BELAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah memperkenalkan penggunaan plastik biodegradasi bagi mengatasi masalah kos pengurusan sisa pepejal plastik biasa yang tinggi dan pencemaran alam sekitar sejak 2016. Malah KWP turut mengadakan pelbagai kempen “*No Polistrene & Plastic Bag*” serta aktiviti kesedaran dalam mendidik warga Wilayah Persekutuan ke arah bandar hijau (*green city*). Melalui pelaksanaan kempen “*No Polistrene & Plastic Bag*” ini, Wilayah Persekutuan telah lebih ke hadapan berbanding negeri lain. Inisiatif hijau yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan sejak 2016 kini telah menjadi agenda negara.

Kementerian mendapati sejak kempen ini dilancarkan, kesedaran daripada komuniti mengenai kepentingan penggunaan produk biodegradasi sama ada demi kesihatan mahupun penjagaan alam sekitar juga telah meningkat. Rata-rata orang ramai yang membeli belah atau membungkus makanan sudah mula membawa beg dan bekas makanan atas inisiatif sendiri. Namun tidak dinafikan masih terdapat segelintir komuniti yang masih kurang kesedaran akan inisiatif hijau ini.

Kerajaan melalui Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah mula melaksanakan *Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030* bagi mengatasi masalah pencemaran sisa plastik. Malah MESTECC turut membenarkan semua kerajaan negeri termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mengenakan caj pencemaran sebanyak RM0.20 kepada setiap beg plastik yang digunakan oleh pengguna semasa membeli-belah. **Caj pencemaran di Wilayah Persekutuan akan mula dilaksanakan pada 15 Mac 2019 selaras dengan Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030. Caj tersebut hanya boleh dikenakan ke atas setiap beg plastik biodegradasi**, manakala tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional.

Pendekatan *polluter pays principle* ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan perubahan minda kepada seluruh rakyat Malaysia amnya dan warga Wilayah Persekutuan khususnya mengenai keperluan perbelanjaan Kerajaan untuk

membersihkan pencemaran sisa plastik. Selain itu, pendekatan tersebut diambil supaya dapat memberi kesedaran mengenai inisiatif hijau serta menjamin kelestarian alam sekitar. Para peniaga dan penjaja juga berpandangan usaha mengurangkan penggunaan beg plastik tidak akan berjaya selagi ia masih disediakan kepada pengguna secara percuma. Namun sejak penggunaan produk biodegradasi di Wilayah Persekutuan diperkenalkan, pihak peniaga dan penjaja telah memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan inisiatif hijau ini.

KWP berharap agar semua warga Wilayah Persekutuan mengambil positif dan dapat bersama-sama berganding bahu untuk menjayakan inisiatif Pembangunan Teknologi Hijau Di Wilayah Persekutuan. Membawa beg sendiri semasa membeli belah amatlah digalakkan dan lebih memudahkan. Begitu juga sekiranya ingin membungkus makanan di kedai-kedai makan adalah digalakkan untuk membawa bekas sendiri. Larangan penggunaan straw plastik masih diteruskan manakala penguatkuasaannya akan mula dilaksanakan pada Januari 2020.

**TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD**

**Menteri Wilayah Persekutuan**

**10 Mac 2019**